

# Menggali Semangat yang Terpendam

Di dalam tulisannya pada kali ini saudara Alimin telah mengemukakan analisanya terhadap “Seminar Penulis-penulis Wanita” yang telah berlangsung selama 2 hari iaitu pada 30 – 31 haribulan March 1969 yang lalu, yang mana beliau telah membayangkan rasa kebangaan atas kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh seminar tersebut.

Dengan adanya seminar yang seperti ini, dapatlah wanita-wanita kita mengkaji semula semangat mereka di bidang kesusteraan bangsa yang telah agak begitu lama terpendam dan kalau dibiarkan lebih lama, harus semangat itu akan hilang lenyap dilipatan zaman. Seterusnya ikutilah ulasan Alimin di sekitar “Seminar Penulis-penulis Wanita” itu.

– Pengarang.

(Oleh: Alimin)

>>>

## Perbincangan-perbincangan yang Menarik Perhatian:

Berbetulan pada 30 – 31 March 1969 yang lalu, suatu Seminar Penulis-penulis Wanita Malaysia – ((SEPUMA))

telah pun berlangsung di Dewan Perkumpulan Perempuan di Petaling Jaya Kuala Lumpur di bawah anjuran Akhbar Utusan Malaysia. Menurut beritanya, kira-kira seratus orang para penulis wanita dari wartawan, sasterawan, cerpenis dan novelis di sekitar tanah air telah turut hadir dalam seminar tersebut untuk membincangkan dan membahaskan tiga kertas kerja yang telah disediakan:

1. Bertajuk ((Politik dan Kewartanan))

oleh Senator Puan Aisyah Ghani,

2. Bertajuk ((Ekonomi dan Wanita)) oleh

Puan Rafidah Aziz Pensyarah Ekonomi

di Universiti Malaya.

3. Bertajuk ((Wanita dan Pembacaan)) oleh

Puan Siti Hawa Anas.

Melihat daripada apa yang telah disiarkan di dalam

akhbar-akhbar tentang seminar itu, nyatahlah bahawa seminar itu

menimbulkan ((suasana hangat)) dalam segenap

perbincangan dan banyak aspek yang terpenting. Yang benar-benar menarik perhatian ialah:

Pertama: Bahawa Seminar Penulis-penulis Wanita Malaysia – SEPUMA – ini diusahakan oleh kaum wanita dan khusus untuk maksud yang begitu tinggi, penting dan murni. Juga dikatakan, inilah julung-julung kalinya seminar seumpama ini pernah diadakan dalam sejarah tanah air kita.

Kedua: Semasa pembukaannya seminar yang bersejarah itu hanyalah dihadiri oleh seorang wartawan dan sasterawan wanita yang bukan Melayu, iaitu orang dari Barat. Dan turut pula memberikan pendapatnya yang begitu baik maksudnya. Pada pandangan saya, kehadiran puan wartawan dan sasterawan ini – maaf, saya lupa akan namanya – adalah benar-benar melambangkan bahawa betapa besarnya, tingginya dan mengertiinya orang-orang di Barat sana dalam soal-soal bagaimana mahu mencapai kemajuan dalam berbagai bidang.

Saya percaya, mereka itu bukannya lah hanya

didorong oleh perasaan mahukan pujian, publisiti

### Semangat Yang Telah Terpendam

dan menonjol-nonjolkan diri sahaja, tetapi benar-benar menandakan yang mata, telinga dan sukma mereka itu adalah hidup menyala dan bersinar. Dan apa yang dikatakan: ((stamina)) bagi mereka – bagi kita juga seharusnya pasti ada – mempunyai *passion* yang tinggi.

#### Tokoh-tokoh Penulis Angkatan Lama:

Mengenai ucapan saudara Mulan Abdullah, ketua pengarang kumpulan akhbar Utusan Melayu, yang melahirkan rasa kesalnya tentang sikap sebahagian penulis-penulis kita – lelaki dan wanita – yang katanya pada suatu ketikanya dulu pernah harum, tetapi kini telah pun menghilang,

ini adalah benar sekali. Dan saya yakin, bahawa rasa yang demikian itu, juga ada di dalam hati kecil beberapa orang kawan-kawan penulis-penulis lainnya. Sepanjang yang saya tahu, iaitu; seperti saudara-saudara Hamdam, Roha, Wijaya Mala, Ramli Haji Tahir, Masfak, Taib Yang, Awam Sarkam, Azmu, Aziz Haji Awab, Samam Perlis, Membina Kedah, Melati Timur, Norma, Zainab Haji Kamin, Rayuan Sukma, Nur Kiah dan Qamariah Johor telah lama benar penanya tidak ditemui lagi, akan tetapi walau bagaimanapun semoga dengan sempena ((SEPUMA)) ini, dan suara murni dari sanubari saudara Mulan Abdullah itu akan disampaikan oleh angin nan melayang ke hadrat para penulis kita ((pahlawan pena)) – ((patriot bangsa)) itu, bahawa kita ((cinta)) padanya dan tak kunjung padam dari ingatan.



Cik Sumayah Jaiz peserta dari Kuala Lumpur di sidang “Seminar Penulis-penulis Wanita” sedang mengemukakan pendapat-pendapatnya ketika mendebat kertas kerja yang ditulis oleh cik Rafidah Aziz yang bertajuk “Ekonomi dan Wanita.”

### Semangat yang telah Terpendam.

#### Mengali Semangat yang Terpendam:

Banyak rumusan-rumusannya telah diambil dalam SEPUMA itu, di antaranya ialah:

((Penulis-penulis wanita boleh memberikan kerjasama yang baik untuk pembangunan ekonomi dan negara)).

((Bahawa dalam bidang ekonomi penulis-penulis wanita perlu menulis untuk memberi kesedaran kepada sebahagian orang Melayu yang sempit pemikirannya dengan cara yang lebih berkesan)).

Melihat kepada kegiatan-kegiatan ((SEPUMA)) dan rumusan-rumusannya yang telah dicapai, dapatlah dikatakan bahawa SEPUMA kini mengali semangat yang telah terpendam. Dalam tahun tiga puluhan dulu di negara kita ini pernah ada sebuah majalah bulanan kemudiannya mingguan yang dikendalikan keseluruhannya oleh para penulis wanita

kita. Mereka menulis dalam majalah-majalah dan akhbar-akhbar juga sangat membanggakan. Majalah yang diusahakan mereka itu bernama ((Bulan Melayu)) diterbitkan di Johor oleh Puan Hajah Zain binti Sulaiman bersama-sama temannya. Di antara majalah-majalah yang boleh dikatakan jadi taman atau arena pena penulis-penulis wanita kita itu ialah ((Hiburan))

((Kencana)) – ((Mutiara)) yang diterbitkan di Singapura dan ((Juwita)) diterbitkan di Kuala Pilah, negeri

Sembilan

Dari zaman penjajahan hingga ke tahun lima puluhan – selepas Perang Dunia Kedua – para penulis

lelaki dan wanita adalah giat sekali menulis dan penerbitan-penerbitan majalah serta akhbar-akhbar pula ada untuk jadi penampung kepada karya-karya mereka. Sebanyak mana yang saya ingat, nama-nama majalah dan akhbar-akhbar yang menjadi ((taman)) para penulis masa itu dan pemupuk semangat pembacaan kepada umum ialah:

Warta Melayu, Warta Ahad, Warta Jenaka, Utusan

Melayu, Mastika, Utusan Zaman, Zaman, Qalam, Anekawarna, Hiburan, Kencana, Mutiara, Fesyen, Lembaga Melayu, Lembaga, Dunia Filem, Bulan Melayu, Semangat Melayu. Idaman, Juwita, Asmara, Majlis, PASPAM, Dunia Sekarang, Ibu Melayu, Dunia Baru dan lain-lain lagi.

#### Hilang Lenyap di Lipatan zaman:

Tetapi amat sayang sekali, iaitu sebahagian dari penerbitan-penerbitan tersebut yang dapat dikatakan; ((Taman Kiliaran

Sambungan dari muka (31) air susu yang dimasukkan oleh bangkai-bangkai semut tadi, jika cik Fatimah berasa geli hendak meminumnya – jika diminum juga kerana memandang kepada hukumnya halal tanpa mengira dari segi selera yang menolak – maka janganlah diminum, kerana ditakuti mendatangkan mudarat pula kepada cik Fatimah; kerana menceburkan diri ke dalam sesuatu perkara yang memudaratkan itu dilarang pula oleh shara‘.

Begitulah kehalusan dan keindahan hukum-hukum

Islam untuk menjaga keselamatan penganut-penganutnya.

Abu al-Mukhtar.

**Semangat yang telah Terpendam.**

Budi)) dan ((Medan Kesusteraan)) kita ini telah pun terselip<sup>1</sup> kemas ke dalam lipatan zaman. Almarhum Muṣṭafā Kamāl Atātūrk bapa Turki muda itu pernah mengatakan: ((Jalan yang paling baik sekali untuk memajukan masyarakat dan bangsa itu, ialah memperbanyak bilangan majalah dan akhbar-akhbar)). Di dunia Barat sana ada akhbar-akhbar yang diterbitkan waktu pagi dan petangnya ada pula yang merupakan sapu tangan, dibaca sambil makan kemudian dibuat pengesat tangan lepas itu dibuangkan. Dalam tahun 1938, iaitu 31 tahun dahulu di Turki sudah ada akhbar harian yang dikendalikan oleh para

wanita sendiri, dan diterbitkan sebanyak 15,000

naskhah sehari.

Allah *subḥānahu wa Ta’ālā*, Tuhan kita yang Maha Pengasih dan Penyayang juga pada mulanya menurunkan ayat al-Qur’ān al-Karim itu dengan menyuruh Nabi Muhammad *sallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* membaca, seperti mana firmanya: ((*Iqra’ bi ‘ismi rabbika al-ladhi khalaq*) dan ((*al-ladhi ‘allama bi al-qalam*)) Ertinya: ((Bacalah (ya Muhammad) dengan nama Tuhan kamu yang menjadikan alam)) dan ((yang mengajar manusia dengan qalam ( pena))).

Dan mengakhiri tulisan ini saya mengucapkan tahniah kepada semua peserta ((SEPUMA)) itu, semoga semangat yang telah terpendam itu dapat digali kembali, timbul semula menyinari alam kesusteraan kita



Seorang peserta dari Tampin - Negeri Sembilan - sedang berucap ketika membahas kertas kerja yang

ditulis oleh Cik Siti Hawa Anas.

<sup>1</sup> Perkataan sebenarnya adalah terselip.